



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# SIARAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 28/2023

## **FESTIVAL MERAKYATKAN SENI BUDAYA : MEK MULUNG@WANG TEPUS “WARISAN AKAR BUMI”**

**KEDAH, 28 OKTOBER 2023** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kedah dan Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB Kedah) melaksanakan **Festival Merakytakan Seni Budaya : Mek Mulung@Wang Tepus ‘Warisan Akar Umbi’** pada 26 hingga 28 Oktober 2023 bertempat di Kampung KEDA Wang Tepus, Jitra, Kedah.

Festival Merakytakan Seni Budaya Mek Mulung@Wang Tepus ‘Warisan Akar Umbi’ merupakan platform untuk memelihara seni warisan dan khazanah Melayu yang masih ada di Negeri Kedah agar tidak pupus dan hilang dalam arus kemodenan. Melalui program ini, secara tidak langsung dapat mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan masyarakat terhadap kepentingan warisan seni budaya yang masih kekal sehingga ke hari ini walaupun sudah berusia lebih 400 tahun.

Mek Mulung merupakan teater tradisional masyarakat Melayu yang popular di negeri Kedah. Ia telah menjadi hiburan rakyat di negeri tersebut sejak zaman dahulu lagi. Struktur persembahan Mek Mulung mempunyai persamaan dengan Makyong yang menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian, lawak jenaka dan muzik serta persamaan watak-watak utama seperti raja, permaisuri, putera, puteri, peran, istana dan sebagainya. Namun, perbezaan dapat dilihat dari segi loghat (dialek), busana, bunga tarian dan konsep persembahan. Persembahan

ini menggunakan loghat (dialek) Kedah (Kedah Tua) sepenuhnya. Antara cerita atau hikayat yang ada dalam persembahan Mek Mulung ialah Putera Cahaya Bulan, Malim Bongsu, Malim Dewa dan Dewa Kaca.

Melalui program ini, jelas memperlihatkan kesungguhan MOTAC dalam memastikan kesenian ini terus terpelihara dengan membangunkan semula tapak asal bangsal Mek Mulung di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah untuk menyemarakkan kesenian tersebut. Melalui pembangunan bangsal Mek Mulung ini juga, ianya dapat dijadikan sebagai Pusat Seni Setempat dan pusat rujukan kajian oleh para penyelidik dalam bidang seni warisan tradisi. Malah ia juga sejajar dengan usaha Kementerian yang telah mengangkat Teater Tradisional Mek Mulung ke peringkat UNESCO sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Negara.

Terdapat pelbagai pengisian menarik yang bakal disajikan kepada pengunjung yang hadir sepanjang tiga (3) hari program tersebut berlangsung antaranya Bengkel Mek Mulung, Sembang Santai Mek Mulung, Peraduan Mewarna Watak Mek Mulung, Pertandingan Puteri Cilik Mek Mulung, Mek Mulung Tik Tok Challenge, pameran dan jualan agensi, kenduri rakyat dan banyak lagi. Walau bagaimanapun pengisian paling menarik yang ditonjolkan dalam program ini adalah persembahan Teater Tradisional Mek Mulung oleh Kumpulan Perantisan dan Peserta Bengkel Mek Mulung dan persembahan khas Teater Tradisional Mek Mulung "Putera Cahaya Bulan" oleh Kumpulan Seri Mahawangsa. Kedua-dua kumpulan mempamerkan keaslian persembahan Mek Mulung yang pastinya sangat menarik dan unik.

Melalui program ini JKKN berharap dapat menjayakan aspirasi negara untuk mengangkat aset-aset warisan seni budaya yang bersesuaian melalui pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini adalah penting bagi memastikan kesinambungan, keunikan dan keaslian yang diwarisi terus terpelihara selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN).

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube : @mysenibudaya

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel : 03-2614 8200 / 012-952 2095	Mohd Faiz bin Nawawi Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:faiz@jkkn.gov.my">faiz@jkkn.gov.my</a> Tel : 03-2614 8200 / 011-3210 6486
---	--